

**ISU SHAKAM**

Oleh Saiful Affendy Sapran dan Ferzalie Fauzi

sukan@hmetro.com.my

HARIAN METRO (M/S.....)  
4 FEBRUARI 2015



DATUK Lee Chong Wei (dua dari kanan) antara atlet yang menerima imbuhan SHAKAM,

**Kuala Lumpur:** “Bagilah sedikit.”

Itulah yang disarankan bekas Chef de Mission negara ke Sukan SEA 2011 Palembang, Datuk Syed Mustafa Syed Ali mengenai Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) Majlis Sukan Negara (MSN) kepada pemenang pingat perak dan gangsa temasya berkenaan.

Menurutnya, atlet yang meraih perak dan gangsa perlu menerima insentif SHAKAM walaupun gagal membawa pulang pingat emas, tetapi insentif berkenaan harus bersesuaian dengan tahap kejohanan itu.

“Insentif yang perlu diberikan mungkin lebih rendah mengikut tahap temasya itu,” katanya yang juga bekas Presiden Per-

**Hargailah keringat atlet**

satuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM)

Jelasnya, walaupun ada atlet memenangi pingat perak, tetapi mungkin hanya dibezakan dengan 0.1 mata saja untuk meraih emas.

“Ada di antara mereka gagal memenangi emas kerana kurang bernasib baik, marah atau mata mereka ha-

nya kurang sedikit saja. Apa salahnya bagi sedikit (insentif) kepada mereka.

“Ia akan menjadi sebahagian daripada motivasi untuk terus berusaha pada masa akan datang. Saya rasa perlu diberikan sesuatu buat mereka (pemenang perak dan gangsa),” katanya.

Bagaimanapun bekas Chef

de Mission negara ke Sukan SEA Myanmar Datuk Wira Amiruddin Embi berpendapat pemberian insentif SHAKAM kepada pemenang pingat perak dan gangsa Sukan SEA tidak wajar.

Ini kerana, beliau berasa saingan di temasya Sukan SEA tidak begitu mencabar berbanding Sukan Koman-

wel serta Asia.

“Temasya Sukan SEA medan pembangunan atlet negara. Insentif untuk pemenang pingat emas sudah mencukupi.

“Saya rasa pihak MSN (Majlis Sukan Negara) sudah melakukan kajian rapi mengenai perkara ini. Untuk Sukan Komanwel serta Asia, mereka memang layak mendapat insentif.

“Takkanlah semuanya hendak bagi insentif,” katanya.

Amiruddin yang juga Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) juga berkata, setiap atlet tidak boleh hanya memikirkan soal imbuhan hingga mengetepikan niat sebenar iaitu beraksi untuk negara.

Semalam, menerusi laporan Arena Metro, beberapa persatuan sukan bersetuju supaya pemberian SHAKAM turut diberikan kepada atlet negara yang mengerah keringat untuk meraih pingat selain kilauan emas.

**'Kami tak balas dendam'**

HARIAN METRO (M/S. 62)  
4 FEBRUARI 2015

■ **Tengku Abdul Rahman jamin penyokong Tok Gajah matang, profesional**

Oleh Roselan Ab Malek  
sukan@hmetro.com.my  
Jerantut

**P**residen Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang (PBNP) Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah (*gambar*) memberi jaminan penyokong Tok Gajah tidak akan membalas dendam ke atas penyokong Johor Darul Ta'zim (Johor DT) gara-gara kain rentang menghina Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada aksi Sumbangsih, Sabtu lalu.

Tengku Abdul Rahman yakin penyokong Pahang lebih matang dan profesional sambil mengamalkan budaya masyarakat bersopan santun.

Beliau mengaku sedih dengan tindakan memaparkan kain rentang gergasi anjing memakai sut dengan lambang

FAM ketika beberapa minit perlawanan berlangsung.

"Saya juga kasihan kepada mereka kerana menunjukkan sikap dan tindakan kurang sopan kepada orang luar.

"Saya yakin ibu bapa dan guru sudah mengajar adab dan menunjukkan contoh baik kepada mereka, namun malangnya mereka melakukan tindakan sebaliknya.

"Apa yang mereka lakukan menggambarkan fikiran negatif dan tingkah laku yang tidak boleh menjadi contoh kepada orang lain," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan sumbangan bantuan banjir kepada mangsa dari Kampung Kuching, Kampung Gusai, Kampung Mat Daling dan Kampung Bantal di Ulu Tembeling, semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Jerantut Ahmad Nazlan Idris.

Tengku Abdul Rahman

berkata, rakyat Malaysia perlu mengamalkan aktiviti sukan secara sihat dan semangat kesukanan tinggi serta tidak melakukan tindakan biadab hingga memburukkan diri sendiri dan imej negara.

"Tindakan itu juga menggambarkan pemikiran kebodak-bodakan dan jika terus diamalkan masyarakat kita, ia tidak akan membantu ke arah sebuah negara beradab dan maju," katanya.

Beliau memandang serius tindakan itu dan berharap mereka yang terbabit menyesal dan menyedari apa dilakukan tidak wajar.

Walaupun kumpulan penyokong itu akan menerima hukuman pihak berkuasa, yang penting mereka perlu sedar perbuatan itu tidak melambangkan budaya masyarakat sebenar.

Tengku Abdul Rahman yakin penyokong Pahang akan melayan penyokong dan pasukan Johor DT dengan baik apabila bertandang ke Kuantan kelak.

"Saya percaya, penyokong Pahang tidak akan mengambal apa-apa tindakan tidak wajar dan bodoh ke atas pemain kerana mereka tidak mahu mencemarkan maruah negeri mereka sendiri.

"Saya juga percaya penyokong Pahang yang terbaik, mempunyai semangat kesukanan tinggi dan sentiasa bersikap profesional dalam apa saja keputusan perlawanan kelak," katanya.

*KAIN rentang yang dipamer penyokong Johor DT.*



# Tak mahu masalah

Oleh Azlan Muhammad Zain  
 azlanmz@metromy.com.my  
 Kuala Lumpur

lihat ia berasas kerana ke-utamaan adalah bagi memastikan peralihan kuasa dapat berjalan lancar agar program PKBM tidak terjejas.

**P**residen Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) Datuk Abu Samah Wahab menegaskan tidak mahu meninggalkan sebarang masalah kepada penggantinya andai membuat keputusan tidak mempertahankan jawatan pada mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-26 bulan depan.

"Semua orang boleh berkhidmat, namun harus ingat PKBM bukan seperti persatuan lain yang mempunyai wang dalam bank, akaun kita kini kosong. Kita perlu fikirkan aspek pentadbiran dan sebagainya. Semua perkara perlu diambil kira," katanya.

Badan induk berbasikal negara itu diarah Pesuruhjaya Sukan untuk mengadakan AGM bagi memilih barisan kepimpinan baru dalam tempoh 60 hari.

Bagaimanapun Abu Samah berkata, semuanya terputung kepada 15 ahli gabungan PKBM membuat keputusan mengenai pucuk pimpinan baru.

"Kalau diikutkan sudah 25 tahun saya berkhidmat, rasanya sudah cukup, namun selepas terlepas daripada 'tali gantung', banyak perkara perlu diperbetul seperti diarahkan. Saya tidak mahu individu mengambil alih kelak menyesal dan mengatakan kepimpinan lama tidak buat kerja," katanya yang memegang jawatan itu sejak 1990.

"Kami akan mengadakan mesyuarat exco minggu depan bagi memutuskan tarikh AGM selain menyelesaikan perkara seperti penyata tahunan dan sebagainya sebelum berlangsungnya mesyuarat berkenaan.

Ditanya pandangan Presiden Persatuan Berbasikal Perak (PCA) Datuk Amarjit Singh Gill yang berpendapat beliau harus memegang jawatan presiden untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun lagi, Abu Samah me-

"Saya juga tidak berhasrat memberikan komen lanjut kerana tidak tahu sama ada ahli gabungan masih mahu kan saya atau sebaliknya. Jika terdapat pencalonan tinggi, baru saya firkannya. Keputusan di tangan ahli gabungan," jelasnya.

Timbalan Presiden PKBM Datuk Naim Mohamad dilihat calon terbaik menggantikan Abu Samah andai beliau tidak berhasrat mempertahankan jawatan.

# Harimau Selatan sedia ratah Bengaluru FC

KOSMO (M/S...)

4 FEBRUARI 2015

Oleh SHAHRIL NIZAM ABDULLAH  
shahni.abdullah@kosmo.com.my

**JUARA** Piala Sumbangsih 2015, Johor Darul Takzim (Johor DT) bersedia meneruskan rentak cemerlang musim ini dan mahu menjadikan Bengaluru FC sebagai mangsa kedua apabila kedua-dua pasukan bertemu pada aksi *playoff* pusingan pertama Liga Juara-Juara Asia (ACL) 2015 di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin, Johor Bahru malam ini.

Masih dibuai kejayaan 2-0 ke atas seteru utama, Pahang pada perlawanan pembuka tirai Liga Super 2015 Sabtu lalu, Johor DT pastinya sekali lagi mengharapkan kecemerlangan para pemainnya dalam misi menjadi pasukan pertama negara layak ke pusingan kedua *playoff* kempen paling berprestij antara kelab-kelab di Asia itu.

Menurut jurulatihnya, Bojan Hodak, prestasi cemerlang Johor DT perlu diteruskan oleh anak-anak buahnya kerana mereka akan turun berdepan kelab juara Liga India 2013/14 itu tanpa sebarang tekanan.

"Apa yang bagusnya buat masa ini ialah semangat para pemain berada dalam keadaan terbaik selepas menewaskan Pahang baru-baru ini.

"Kami perlu meneruskan aksi terbaik



HODAK (dua dari kiri) bersalaman dengan rakan sejawatannya dari Bengaluru FC, Ashley Westwood (dua dari kanan) selepas sidang akhbar menjelang perlawanan kelayakan ACL 2015 di Johor Bahru semalam.

kerana tiada sebarang harapan yang tinggi diletakkan ke atas bahu kami pada kempen ACL ini.

"Jadi, saya rasa pemain kami akan beraksi tanpa sebarang tekanan dan mampu menunjukkan persembahan yang baik seperti yang telah dibuktikan pada perlawanan menentang Pahang, Sabtu lepas," jelas Hodak pada sidang akhbar menjelang pertemuan kedua-dua pasukan di Larkin, semalam.

Begitupun, Hodak tetap berharap skuad yang mendapat jolokan Harimau Selatan itu dapat menggunakan kelebihan bermain di hadapan penyokong sendiri untuk menghadiahkan kegembiraan kepada penyokong setia mereka meskipun sedar bahawa Bengaluru

FC sebuah pasukan yang hebat setelah membuktikan kemampuan mereka dengan menjuarai Liga India musim lalu.

"Ia akan menjadi satu lagi pertemuan yang sukar. Bengaluru FC sebuah pasukan yang bagus, gaya permainan mereka agak tersusun dan pemainnya memiliki kelebihan dari segi fizikal.

"Apapun, kami akan turun bermain di tempat sendiri dan telah banyak kali saya beritahu sebelum ini bahawa setiap kali kami beraksi di hadapan penyokong sendiri kami adalah pilihan untuk menang, tidak kira siapa lawan kami.

"Saya berpendapat para penyokong akan disajikan satu perlawanan yang berkualiti nanti," katanya.

# Nasib Ferris Danial diputuskan hari ini

Oleh YATIMIN ABDULLAH

sukan@kosmo.com.my

KOSMO (M/S. (2...))

4 FEBRUARI  
2015

**NASIB** bekas penyerang Harimau Muda A, Muhammad Ferris Danial Mat Nasir yang menjadi rebutan antara Kelantan dengan Felda United akan ditentukan selepas mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) hari ini.

Presiden KAFA, Tan Sri Annuar Musa (**gambar**) berkata, mesyuarat tersebut akan membincangkan pendirian pihaknya berhubung perkara berkenaan dan ia akan dimaklumkan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

"Saya tidak boleh nak batalkan kontrak yang telah Ferris (Danial) tandatangani. Saya juga tidak boleh nak kata ia boleh atau tidak.

"Cuma apa yang boleh saya beritahu, sijil pemain berkenaan

masih ada dengan KAFA dan ia menjadi hak kami," katanya pada majlis Pelancaran dan Pengenalan Pemain Skuad Belia Kelantan 2015 di Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Kelantan di Kota Bharu semalam.

Turut hadir, penaung pasukan, Datuk Mazlan Lazim, Setiausaha Agung KAFA, Datuk Ismail Md. Noor serta penasihat pasukan, Datuk Azham Zamiri Mohamad Satar.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan, Felda United yakin kemelut yang melanda Ferris Danial akan dapat diselesaikan dengan cara baik apabila skuad yang mendapat jolokan *The Fighters* itu bakal mengadakan pertemuan dengan KAFA dalam masa terdekat.

Pengerusi FELDA merangkap penaung Kelab Bola Sepak Felda United, Tan Sri Mohd. Isa Ab-

dul Samad berkata, kedua-dua pihak telah pun bersetuju untuk berunding dan perkembangan tersebut merupakan satu petanda baik bagi menyelesaikan permasalahan yang melanda.

Annuar memberitahu, sebelum ini pihaknya telah menghantar dua surat kepada FAM berhubung pemain berkenaan yang tidak melapor diri ke pangkuan pasukan Kelantan.

Katanya, surat kedua memaklumkan bahawa KAFA tidak berhasrat melepaskan pemain berkenaan kepada pasukan lain setakat ini.

Dalam perkembangan lain, Annuar turut menegur sikap pengurusan Felda United yang mengadakan perbincangan secara terus tanpa melalui badan yang menaungi mereka.

"Felda hanyalah kelab dan mereka perlu berunding melalui penaung mereka, Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA)."



# Mat Tarzan meninggal dunia

**GEORGETOWN** - Ahli bina badan terkenal pada era 50-an dan 60-an, Ahmad Ali, (**gambar**) 84, atau lebih dikenali sebagai Mat Tarzan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang (HPP) semalam selepas tiga hari koma akibat kemalangan jalan raya di Bayan Baru.



Anak kedua Allahyarham, Amzah Ahmad, 32, ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Pulau Pinang berkata bapanya meninggal dunia pada jam 5.30 pagi di Unit Rawatan Rapi (ICU) HPP.

"Bapa saya terbabit dalam kemalangan Sabtu lalu (31 Januari) di Bukit Gambir selepas pulang daripada kenduri kahwin anak saudaranya. Pada masa itu bapa menunggang motosikal.

"Selepas menuruni bukit di kawasan itu, sebuah kereta berselisih dan melanggarnya menyebabkan bapa jatuh dan mengalami kecederaan teruk di kepala selain di tangan kanan," katanya.

Amzah berkata, bapanya seorang yang sangat suka bergurau



**TIMBALAN** Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menziarahi Ahmad Ali yang meninggal dunia akibat kemalangan di Bayan Baru, semalam.

dan beberapa kali memenangi anugerah Mr Penang.

Semasa hayatnya, Mat Tarzan pernah menjelajah ke seluruh negara untuk mempamer kehebatan beraksi lasak antaranya berjalan atas kaca, membengkokkan besi menggunakan tengkuk dan bergusti dengan ular sawa.

Ahmad menerima gelaran Mat Tarzan pada tahun 1958 daripada Ketua Menteri Pulau Pinang per-

tama iaitu Tan Sri Wong Pow Nee.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Julinah Abdullah, 68, dan lima orang anak.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd Rashid Hasnon turut menziarahi jenazah Allahyarham yang disembahyangkan di Masjid Hashim Yahaya di sini.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Perak selepas solat Zuhur. - BERNAMA